

# Arwah ayah bakar semangat berjaya

## Nurul Khairunnisa raih anugerah diraja Usim

Oleh Azrina Ahzan  
bhnews@bharian.com.my

**P**UTRAJAYA: Pesanan arwah bapanya, Esman Tahir, membakar semangat graduan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Nurul Khairunnisa, untuk belajar berprestasi hingga berjaya menggondol Anugerah Pelajaran Diraja pada majlis konvokesyen ketujuh universiti itu, di sini, semalam.

Anak sulung tujuh beradik itu salah seorang daripada dua penerima anugerah disampaikan Canselor Usim, Tuanku Ampuan Najihah Tunku Besar Burhanuddin di Pusat Konvokesyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

"Pesanan arwah ayah kepada umi... kalau boleh dia nak anak-anak mampu meraih kejayaan lebih daripadanya. Saya rasa umi saya sudah cukup susah

menyara hidup saya hingga ke tahap ini. Saya berharap anugerah ini dapat membalas jasa umi," katanya ketika ditemui, semalam.

Nurul Khairunnisa berkata, bapanya meninggal dunia ketika beliau berusia sembilan tahun dan kehidupannya sekeluarga bergantung kepada wang bantuan sumbangan Pertubuhan Keselamatan dan Kesihatan Sosial (Perkeso) serta hasil jualan ibunya, Suriah Abas.

Kesempitan hidup juga memaksa Nurul Khairunnisa menanggungkan



*Pesanan arwah ayah kepada umi... kalau boleh dia nak anak-anak mampu meraih kejayaan"*

**Nurul Khairunnisa Esman**  
Graduan Usim

hasrat menyambung pelajaran pada peringkat yang lebih tinggi kerana ini memberi peluang kepada adiknya.

"Saya harap mendapat pekerjaan di mana-mana syarikat perbankan atau takaful kerana ijazah saya mengkhusus bidang perbankan Islam dan takaful," katanya.

Seramai 631 graduan Usim menerima ijazah dan diploma masing-masing daripada Tuanku Ampuan Najihah. Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah Usim, Tan Sri Dr Mohamad Yusof Noor dan Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin.

Sementara itu, seorang lagi penerima Anugerah Pelajaran Diraja, Ahmad Tarmizi Mahmud kini menyambung pelajaran pada peringkat ijazah sarjana dalam bidang syariah fatwa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



**NURUL KHAIRUNNISA** menunjukkan sijil kepada ibunya, pada majlis konvokesyen ketujuh Usim di Putrajaya, semalam.